

**SEKOLAH RENDAH SENG KANG  
BAHASA MELAYU**

Markah
___ / 12

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Kelas : 6.1 ( \_\_\_\_\_ )

Topik : Peribahasa

**Arahan :** Pilih **peribahasa yang paling sesuai maksudnya dengan makna frasa/klausa yang bergaris bawah** dalam setiap item di bawah ini. Kemudian, tuliskan huruf jawapan pilihan kamu itu di dalam kurungan yang disediakan.

1. Nazri menyuruh Nasir membaiki keretanya tetapi dia telah **merosakkan lagi keadaan** kereta Nazri.
  - a. bagai aur dengan tebing
  - b. seperti kaduk naik junjung
  - c. seperti tikus membaiki labu
  - d. seperti rusa masuk kampung (     )
  
2. Ibu **sudah penat menasihati** kakak agar pulang awal tetapi kakak tetap pulang lewat malam.
  - a. bagai kacang lupakan kulit
  - b. seperti kerbau dicucuk hidung
  - c. bagai anak ayam kehilangan ibu
  - d. seperti mencurahkan air di daun keladi (     )
  
3. Orang lain sering mengambil kesempatan memperdayakannya kerana dia **sering mengikut sahaja apa kata orang lain dan tidak tahu bertindak sendiri.**
  - a. bagai isi dengan kuku
  - b. seperti kerbau dicucuk hidung
  - c. seperti pahat dengan pemukul
  - d. seperti katak di bawah tempurung (     )

4. Azli, anak tiri Pak Mat, **seorang yang tidak mengenang jasa orang yang telah membelanya** kerana sanggup menghalau Pak Mat dari rumahnya.
- a. seperti kacang lupakan kulit
  - b. seperti anjing dengan kucing
  - c. seperti rusa masuk kampung
  - d. seperti embun di hujung rumput ( )
5. Gopal **tercengang-cengang kerana tidak biasa dan kekok di tempat asing** terutama di majlis perkahwinan orang Melayu.
- a. bagai isi dengan kuku
  - b. seperti kaduk naik junjung
  - c. seperti pelanduk dua serupa
  - d. seperti mencurahkan air di daun keladi ( )
6. Salbiah **tidak tahu apa yang telah berlaku di sekitarnya** kerana dia tidak gemar membaca akhbar.
- a. seperti aur dengan tebing
  - b. seperti pahat dengan pemukul
  - c. bagai embun di hujung rumput
  - d. seperti katak di bawah tempurung ( )
7. Anak-anak Haji Zahid telah **kehilangan tempat bergantung** dan terpaksa membawa haluan masing-masing semenjak kematian Haji Zahid.
- a. bagai kaduk naik junjung
  - b. seperti kera kena belacan
  - c. bagai anak ayam kehilangan ibu
  - d. bagai menatang minyak yang penuh ( )
8. Sazali merupakan **seorang pekerja yang pemalas kerana dia hanya melakukan kerja yang disuruh sahaja.**
- a. seperti ular kena palu
  - b. seperti talam dua muka
  - c. bagai aur dengan tebing
  - d. seperti pahat dengan pemukul ( )

9. Aidil dan Adha adalah **dua orang sahabat yang sangat karib** semenjak dari sekolah rendah lagi.
- seperti ular kena palu
  - seperti isi dengan kuku
  - bagai aur dengan tebing
  - seperti mencurah air di daun keladi ( )
10. Cikgu Bedah sukar membezakan antara Jazmi dengan Jazli kerana **wajah mereka hampir sama.**
- seperti talam dua muka
  - seperti pelanduk dua serupa
  - bagai bulan empat belas hari
  - bagai melepaskan batuk di tangga ( )
11. Anuar dan Bakar **pasti bergaduh apabila mereka berjumpa** kerana masing-masing berebutkan Julia yang cantik itu.
- seperti ular kena palu
  - seperti kera kena belacan
  - seperti murai dicabut ekor
  - seperti anjing dengan kucing ( )
12. **Kasih sayang** suami isteri di sebelah rumah Encik Johan **tidak kekal** kerana baru tiga bulan berkahwin kini mereka telah bercerai.
- bagai bulan empat belas hari
  - seperti embun di hujung rumput
  - bagai melepaskan batuk di tangga
  - seperti mencurah air di daun keladi ( )
-